

Bekerja Sendiri, Risiko Sendiri

KRI VIEWS 47 /20 | 07 Disember 2020 | Nur Thuraya Sazali dan Hawati Abdul Hamid

Views adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Ia adalah pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini ditulis oleh Nur Thuraya Sazali dan Hawati Abdul Hamid, penyelidik di Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih di atas komen daripada Adam Manaf Mohamed Firouz.

Alamat e-mail penulis:

thuraya.sazali@krinstitute.org

hawati.hamid@krinstitute.org

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti yang berikut: Nur Thuraya Sazali dan Hawati Abdul Hamid. 2020. Bekerja Sendiri, Risiko Sendiri. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0

Penterjemahan – Jika anda menterjemah karya ini, sila sertakan penafian berikut bersama-sama atribusi: Terjemahan ini tidak dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah dan tidak boleh dianggap sebagai terjemahan rasmi Institut Penyelidikan Khazanah. Institut Penyelidikan Khazanah tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kandungan atau kesilapan dalam terjemahan ini.

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute and penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di www.KRIInstitute.org.

Gambar oleh Sarah Arista daripada unsplash




Bekerja sendiri: apa, siapa dan di mana?

Bekerja sendiri banyak bentuk dan gelaran. Ada yang dipanggil usahawan, ada pula dipanggil pekerja gig. Walaupun pekerja gig sering dikaitkan dengan teknologi digital, ia boleh merangkumi mana-mana individu yang bekerja secara bebas dan tidak terikat dengan mana-mana majikan termasuklah *freelance* konsultan dan jurugambar, pemandu *e-hailing* mahupun pekebun kecil.

Pada dasarnya, sesiapa sahaja yang mengusahakan sesuatu yang mendatangkan hasil pendapatan tanpa menggaji pekerja lain, serta tidak bekerja untuk majikan tertentu dengan gaji tetap, boleh dikategorikan sebagai bekerja sendiri.

Penggalakan usaha mencipta kerja, bukan mencari kerja, sedikit sebanyak telah menyumbang kepada pertambahan jumlah individu bekerja sendiri hampir 0.5 juta daripada 2.2 juta pada 2014 kepada 2.7 juta pada 2019.

Rajah 1: Bekerja sendiri mengikut ciri-ciri demografi, 2014 dan 2019



Nota: Pengelasan kumpulan negeri mengikut KRI (2020).
Sumber: JPM (2015) dan JPM (2020c), pengiraan penulis

Antara 2014 dan 2019, bekerja sendiri juga mengalami peningkatan peratusan paling tinggi (1.5 mata peratus) dan pertumbuhan paling pantas (4.0%) berbanding status pekerjaan lain¹. Rajah 1 memaparkan rangkuman daripada Laporan Khazanah Research Institute bertajuk “[Work in an Evolving Malaysia](#)” yang menunjukkan peningkatan pekerja sendiri dari segi bilangan dan peratusan (daripada keseluruhan penduduk bekerja di Malaysia) dalam pelbagai dimensi.

Pertama, antara tahun 2014 dan 2019 bilangan dan peratus bekerja sendiri daripada keseluruhan penduduk bekerja telah meningkat bagi semua kumpulan umur, negeri dan jantina, kecuali di luar bandar. Penurunan pekerja bekerja sendiri di kawasan luar bandar daripada 0.9 juta kepada 0.8 juta mungkin dipengaruhi oleh proses perpindahan (migrasi) penduduk dari luar ke bandar serta proses pembangunan dan pembandaran (urbanisasi) yang merubah sesuatu kawasan berstatus luar bandar kepada bandar. Jumlah penduduk bekerja di luar bandar menurun daripada 3.3 juta pada 2014 kepada 3.1 juta pada 2019 dan dalam tempoh yang sama, penduduk bekerja di bandar pula meningkat daripada 10.2 juta kepada 12.0 juta².

Kedua, seiring dengan kadar urbanisasi yang tinggi di Malaysia, bilangan bekerja sendiri adalah jauh lebih tinggi di bandar berbanding di luar bandar. Namun, jika di ambil kira kesemua penduduk bekerja di luar bandar sahaja, peratusan pekerja sendiri di situ adalah lebih tinggi pada kadar 26.6% berbanding di bandar 15.9% (lihat Rajah 1 carta ketiga dari kiri).

Ketiga, bekerja sendiri lebih lazim dalam kalangan penduduk bekerja berumur antara 25 tahun ke 64, lelaki dan mereka yang tinggal di luar bandar atau di negeri-negeri berpendapatan rendah³ seperti Kelantan, Kedah dan Perlis. Namun pertambahan pekerja sendiri dalam tempoh lima tahun lepas telah didorong oleh pertumbuhan dalam kalangan belia (berumur antara 15 ke 24), wanita, serta mereka yang tinggal di bandar dan negeri-negeri berpendapatan tinggi⁴ seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Seiring dengan perkembangan dalam pelbagai sektor ekonomi di Malaysia, statistik ini menunjukkan bahawa bekerja sendiri tidak lagi terhad di kawasan luar bandar dan negeri berpendapatan rendah serta dalam kalangan dewasa (25 ke 64 tahun) dan lelaki. Apabila ditinjau dari segi sektor tidak formal sahaja (atau perusahaan tidak berdaftar), peratusan pekerja sendiri juga didapati meningkat paling tinggi berbanding status pekerjaan lain, iaitu daripada 70.4% pada 2015 kepada 71.7% pada 2019 (peningkatan 1.4 mata peratus)⁵. Ini selari dengan peningkatan kebergantungan isi rumah kepada pendapatan daripada bekerja sendiri iaitu daripada 1.1 juta isi rumah pada 2014 (atau 11.4% daripada jumlah keseluruhan isi rumah) kepada 1.3 juta pada 2019 (17.3%)⁶.

¹ Peningkatan peratusan dan pertumbuhan untuk tempoh yang sama: pekerja bermajikan (-0.7mp, 2.0%), majikan (-0.1mp, 1.6%) dan pekerja keluarga tanpa gaji (-0.7mp, -1.2%). Sumber: JPM (2020c) dan JPM (2015)

² JPM (2015) dan JPM (2020c)

³ Pendapatan purata dan penengah bagi isi rumah di negeri-negeri ini lebih rendah daripada tahap nasional. Sumber: JPM (2020b)

⁴ Pendapatan purata dan penengah bagi isi rumah di negeri-negeri ini lebih tinggi daripada tahap nasional. Sumber: JPM (2020b)

⁵ Perubahan mata peratus untuk tempoh yang sama: majikan (0.0: 28.2% in 2015 & 2019), pekerja (- 1.9: 19.0% in 2015 & 17.1% in 2019), pekerja keluarga tanpa gaji (0.5: 8.4% in 2015 & 8.9% in 2019). Sumber: JPM (2020a).

⁶ JPM (2020b)

Lebih tinggi risiko, lebih besar pulangan?

Salah satu kelebihan bekerja sendiri yang sering diperkatakan adalah dari segi fleksibiliti terutamanya kebebasan dalam memilih waktu bekerja serta pilihan kerja yang ingin dilaksanakan. Menariknya, ukuran kasar menggunakan enjin carian Google juga menunjukkan lebih banyak hasil carian berkaitan frasa-frasa positif wujud di alam maya mengenai bekerja sendiri berbanding frasa-frasa negatif (Jadual 1). Walaupun jauh dari konklusif, dapatan ini memberi persepsi bahawa perbincangan tentang bekerja sendiri kelihatan lebih tertumpu kepada faedah daripada risiko.


Jadual 1: Bilangan hasil carian frasa-frasa verbatim

Frasa positif	Bilangan hasil carian	Frasa negatif	Bilangan hasil carian
"Faedah bekerja sendiri"	931	"Risiko bekerja sendiri"	540
"Kebaikan bekerja sendiri"	11,100,000	"Keburukan bekerja sendiri"	1,350,000

Nota: Carian verbatim bermakna hasil carian mengandungi semua kata dalam frasa. Carian tidak ditapis mengikut tempoh masa. Sumber: Google (t.t), ilustrasi penulis

Namun hakikatnya, fleksibiliti yang datang dengan bekerja sendiri tidak semestinya datang dengan kestabilan pendapatan seperti yang dinikmati oleh mereka yang bekerja makan gaji. Pandemik Covid-19 dengan jelas telah mendedahkan jurang risiko yang besar antara mereka yang bekerja sendiri dan makan gaji. Mereka yang bekerja sendiri melaporkan insiden kehilangan kerja, penurunan pendapatan dan kekurangan simpanan yang jauh lebih tinggi berbanding mereka yang makan gaji, mahupun majikan yang mempunyai pekerja sendiri⁷.

Rajah 2: Kesan pandemik Covid-19 mengikut status pekerjaan, 2020 (%)



Sumber: JPM (2020d), pengiraan penulis


⁷ JPM (2020d). Analisis survei ini hanya tertakluk kepada responden survei dan tidak mewakili pandangan seluruh rakyat Malaysia.

Jurang dasar harus dirapatkan

Mereka yang bekerja sendiri, terutamanya pekerja gig, rata-rata tidak mempunyai perlindungan sosial berbanding mereka yang makan gaji, sementara jurang bagi perlindungan undang-undang⁸ masih perlu diperbaiki. Rajah 3 menunjukkan bilangan individu berdaftar dengan skim keselamatan sosial (0.03 juta) dan skim simpanan persaraan (0.26 juta) khusus untuk tenaga bekerja sendiri adalah amatlah rendah berbanding dengan total tenaga kerja yang bekerja sendiri yang dianggarkan berjumlah 2.7 juta.

Perlu diingatkan bahawa angka yang dicatatkan merupakan jumlah yang mendaftar, dan bukan bilangan pencarum aktif. Dalam kes simpanan untuk persaraan, misalnya, terdapat ramai ahli yang berdaftar tetapi tidak mempunyai simpanan yang cukup untuk hari tua. Mengikut Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), hanya satu daripada tiga pencarum aktif disasarkan mencapai simpanan asas sebanyak RM240,000 (ataupun RM1,000 sebulan) untuk menampung kira-kira 20 tahun selepas mencecah umur persaraan (54 atau 55 tahun)⁹.

Rajah 3: Bilangan individu bekerja sendiri dan pendaftaran skim sukarela khusus untuk tenaga kerja bekerja sendiri, angka terkini (juta)



Tidak dinafikan isu pementapan perlindungan sosial khusus telah diketengahkan dalam pelan jangka panjang termasuklah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030¹⁰ dan diterjemahkan dalam insentif seperti geran padanan caruman di bawah Skim Bencana Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Skim i-Saraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)¹¹.

Angka caruman yang rendah dalam kalangan pekerja gig dan mereka yang bekerja sendiri sering dikaitkan dengan tahap kesedaran kepentingan perlindungan yang rendah. Pelan jangka pendek tertumpu kepada usaha meningkatkan kesedaran, mengurangkan beban pendaftaran dan menambahbaik skim sedia ada¹². Ada juga usul-usul seperti pendaftaran automatik bagi semua

⁸ Astro Awani (2019)

⁹ Astro Awani (2020)

¹⁰ KHE (2019)

¹¹ KKM (2020)

¹² BH (2020b)

tanpa mengira taraf pekerjaan¹³, pewujudan skim pencen sosial universal¹⁴ dan perlindungan sosial minimum¹⁵.

Perlu juga ditekankan bahawa dasar-dasar penggalakan penciptaan kerja seperti Dasar Keusahawanan Nasional 2030 sering berkisar kepada usaha meningkatkan produktiviti dan daya tahan perniagaan¹⁶ serta mengatasi masalah pengangguran, sementara tumpuan kepada kesejahteraan individu di sebalik entiti perusahaan serta pekerja mereka masih banyak yang perlu diperbaiki. Tidak mengejutkan apabila kemudahan dana-dana keusahawanan jarang diikat dengan pendaftaran dan caruman dengan PERKESO dan KWSP. Jurang dasar ini boleh dirapatkan dengan meletakkan syarat caruman dengan kelulusan pinjaman atau dana.

Dinamik dan komposisi bekerja sendiri yang sebahagiannya dipacu oleh teknologi digital hanyalah satu daripada pelbagai perubahan pesat pasaran buruh. Tidak keterlaluan jika dikatakan perbincangan serius tentang arah tuju sistem perlindungan sosial bagi pekerja bagi menghadapi cabaran mendatang nampaknya masih kurang perincian dan perlu dimantapkan.

Rujukan

- Astro Awani. 2019. *Kerajaan Rangka Undang-Undang Lindungi Pekerja 'Gig Economy'*. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-rangka-undangundang-lindungi-pekerja-gig-economy-220687>.
- Astro Awani. 2020. *Kwsp: Hanya Satu Daripada Tiga Pencarum Capai Jumlah Simpanan Asas*. Astro Awani <https://www.youtube.com/watch?v=WHE-kgXYkPk>.
- BH. 2020a. *7.88 Juta Pencarum Kwsp Berusia 54 Tahun Simpanan Kurang Rm50,000*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/735122/788-juta-pencarum-kwsp-berusia-54-tahun-simpanan-kurang-rm50000>.
- BH. 2020b. *Sektor Ekonomi Gig Disaran Ambil Peluang Carum Perkeso*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/699839/sektor-ekonomi-gig-disaran-ambil-peluang-carum-perkeso>.
- Goh, Edwin. 2020. "Pastikan Liputan Perlindungan Sosial Bagi Pekerja Gig." The Centre. <https://www.centre.my/post/bagaimanakah-pekerja-gig-boleh-mendapat-perlindungan-sosial-yang-lebih-mantap>.
- Google. t.t. *Enjin Carian Google* <https://www.google.com/>.
- JPM. 2015. *Laporan Survei Tenaga Buruh 2014*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JPM. 2020a. *Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

¹³ Goh (2020)

¹⁴ Saidatulakmal Mohd, Norma Mansor, and Shamsulbahriah Ku Ahamd (2014)

¹⁵ Packard et al. (2019)

¹⁶ MEDAC (2020)

- JPM. 2020b. *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JPM. 2020c. *Laporan Survei Tenaga Buruh 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JPM. 2020d. *Report of Special Survey on Effects of Covid-19 on Economy and Individual (Round 1)*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- KHE. 2019. *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
- KKM. 2020. *Pelan Jana Semula Ekonomi Malaysia (Penjana)*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- KRI. 2020. *Work in an Evolving Malaysia. The State of Households 2020 Part Ii*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- MEDAC. 2020. *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- NST. 2020. *Socso Ceo Explains How Penjana Aids Employers, Employees*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/600154/socso-ceo-explains-how-penjana-aids-employers-employees>.
- Packard, Truman, Ugo Gentilini, Margaret Grosh, Philip O'Keefe, Robert Palacios, David Robalino, and Indhira Santos. 2019. *Protecting All: Risk Sharing for a Diverse and Diversifying World of Work*. Washington, DC: World Bank.
- Saidatulakmal Mohd, Norma Mansor, and Shamsulbahriah Ku Ahamd. 2014. *Social Pension, Aging and Poverty in Malaysia*. National Population Conference on the Inter-Relationship Between population Dynamics and Development, Putrajaya.
- Zurich. 2020. *Zurich-University of Oxford Agile Workforce Study: Gig Economy Rises in Malaysia, Income Protection Lags*. Kuala Lumpur: Zurich.